

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, June 30, 2019 11:30 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mahasiswa, Alumni UUM Terus Tabur Bakti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 JUN 2019 / 26 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

MAHASISWA, ALUMNI UUM TERUS TABUR BAKTI



UUM ONLINE: Alumni dan mahasiswa UUM terus menabur bakti dalam Program Bicara Keusahawanan & Gotong Royong Perdana Alumni bersama Komuniti yang berlangsung di Masjid Darul Muhammadi, Kampung Kerkau, Pendang, Kedah.

Pengarah projek, Muhammad Aizat Md Sin berkata, program yang dianjurkan oleh Persatuan Alumni UUM dan Pusat Alumni UUM mendapat kerjasama padu Inasis Tradewinds UUM.

"Kita bertuah kerana sambutan yang diterima amat menggalakkan, kira-kira 250 penduduk, 100 orang IKS sekitar Mukim Guar kepayang dan mukim Bukit Raya dalam Ceramah Keusahawanan, 32 mahasiswa dan 65 wakil agensi kerajaan," katanya.

Ujarnya, pelbagai aktiviti dijalankan dalam program yang dirasmikan oleh Pegawai Daerah Pendang, Syed Khairul Anuar Syed Abidin.

Antaranya Ceramah Keusahawanan, Ceramah Zakat, Gotong Rotong Perdana, Khidmat Komuniti (Gunting Rambut & Servis Tukar minyak enjin motosikal percuma), Pameran, Sukan Rakyat,

Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Daftar Pemilih SPR, Penukaran Kad Pengenalan, simbolik penyerahan topi keledar dari JKJR dan Penyerahan Bantuan.

“Program ini dijalankan bagi menyatukan semua pihak di dalam satu aktiviti atau *one stop centre* selain memberi peluang kepada Alumni UUM untuk terus berbakti kepada masyarakat walaupun setelah tamat pengajian,” ujarnya.

Tambahnya, penglibatan pelajar UUM juga memberi pendedahan untuk menguruskan sesuatu program di samping memantapkan kemahiran berinteraksi ketika berurusan dengan pihak atasan mahupun penduduk kampung.

Sementara itu, siswa Sarjana Muda Pengurusan Sains Perniagaantani Dengan Kepujian, William Baba Anak Denise Jelema menyifatkan tarikan pada kali ini menyaksikan pelbagai agensi yang terlibat untuk mempamerkan perkhidmatan dan produk masing-masing.

“Mereka memberi penerangan kepada penduduk kampung dengan khidmat dan layanan mesra serta menjawab sebarang kemusykilan yang timbul,” katanya.

Tambahnya, agensi terlibat antaranya Kolej Komuniti Bandar Darulaman, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Kedah, Jabatan keselamatan Jalan Raya (JKJR) Kedah, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN), Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara, Pejabat Kesihatan Pendang.

“Program ini sangat bermanfaat dengan dan besarlah harapan saya agar diteruskan pada masa hadapan untuk memberi khidmat kepada penduduk dan masyarakat yang memerlukan bantuan,” luahnya.

Manakala Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif, Su Phada A/P Eh Put berpendapat, pameran Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Pendang memberi impak positif kepada pengunjung yang mendedahkan berkenaan dadah yang merbahaya.

“Mereka telah membuka mata kita mengenai dadah yang saya tidak ketahui dengan lebih lanjut dengan berkongsi tentang dadah, jenis dadah, kesan dadah kepada penagih dadah yang mengundang padah di kemudian hari.

“Saya harap pameran seumpama ini dapat diteruskan dan disebarikan kepada masyarakat sebelum nasi menjadi bubur kerana mencegah itu lebih baik daripada merawat,” ulasnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.